

Pembangunan abai panduan EIA undang bencana alam

PEMBANGUNAN yang hendak dilaksanakan seharusnya mengambil kira kepentingan alam sekitar tanpa merosakkan landskap dan keadaan asal bentuk muka bumi bagi mengurangkan sebarang risiko bencana seperti tanah runtuh dan banjir terutama pada musim tengkujuh ketika ini.

Sebarang perubahan berlaku di sesuatu kawasan pembangunan yang tidak dirancang secara sistematik bukan saja menjejaskan sistem ekologi, sistem pengairan dan saliran, malah risiko berlakunya bencana alam.

Semua pihak di negara ini sama ada agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pemaju dan kontraktor seharusnya tidak mengabaikan garis panduan ditetapkan kerajaan dalam membangunkan sesuatu kawasan.

Perkara ini ditegaskan Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab, bahawa sesuatu bencana seperti tanah runtuh dan banjir sebenarnya boleh dikurangkan risikonya jika semua pihak mematuhi peraturan ditetapkan dalam menjayakan sesuatu projek pembangunan.

Katanya, kegagalan mengikut garis panduan ditetapkan termasuk berpandukan kepada Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) amat penting kerana ia adalah kunci kepada keseimbangan sistem ekologi sesuatu kawasan atau tempat.

“Dalam membangunkan sesuatu kawasan, kita tidak boleh terlepas pandang isu keseimbangan alam sekitar. Kita perlu patuhi garis panduan khususnya EIA seperti ditetapkan.

“Jika kita tidak mengawalinya, lama-kelamaan kita akan menghadapi masalah besar terutama ancaman daripada bencana yang tidak dapat dihidu,” katanya.

Katanya, walaupun MKN tidak terbabit secara langsung dalam aspek pengurusan alam sekitar, berdasarkan kepada siri bencana berlaku di negara ini seperti banjir besar dan tanah runtuh, kegagalan pengurusan alam sekitar yang cekap dilihat menjadi penyumbang kepada perkara itu.

Namun katanya, MKN mendapati kesedaran semua pihak yang terbabit dalam sesuatu projek pembangunan kini dilihat semakin meningkat kerana mengetahui kesan buruk boleh timbul jika mengabaikan aspek berkenaan.

“Saya mengambil contoh di Kuala Lumpur yang satu ketika dulu, apabila berlaku hujan lebat saja, tidak sampai dua jam akan berlaku banjir kilat.

“Tetapi sejak sistem pengurusan banjir dipertingkatkan, banjir kilat kini jarang berlaku dan jika berlaku pun, ia cepat surut. Ini menandakan sistem pengurusan alam sekitar kita khususnya mengalami penambahbaikan.

“Kita seharusnya tidak menafikan, keberkesanan Terowong SMART yang mampu mengurangkan risiko banjir besar di Kuala Lumpur kerana sistemnya yang berkesan menyuraikan limpahan banjir ke kolam takungan khas,” katanya.



ORANG awam menaiki pikap melalui jalan yang dinaiki air akibat banjir di Bangkok yang belum surut.

Banjir ekstrem di negara jiran jadi pengajaran

MKN, agensi perkemas persiapkan hadapi bah luar biasa jika landa negara



Anwar
Patho Rohman

wananwar@bharian.com.my

BANJIR besar yang melanda dua ibu kota negara jiran iaitu Manila dan Bangkok, yang lambat surut kini menjadi pengajaran berguna kepada bandar raya lain di Asia Tenggara.

Banjir yang dianggap ekstrem sepanjang tempoh setengah abad itu menghantui penghuni kota Bangkok kerana masih belum menampakkan tanda-tanda ia akan surut walaupun pihak berkuasa negara itu bertungkus-lumus mengepam air bertakung keluar dari kawasan banjir.

Kota yang terkenal dengan julukan 'Venice timur' itu kini benar-benar ditenggelami banjir hingga melumpuhkan hampir seluruh kegiatan ekonomi penduduknya.

Malah, beberapa kawasan perindustrian utama di kota itu terpaksa ditutup kerana banjir paling buruk yang berlaku ketika ini.

Keadaan itu mendorong negara lain termasuk Malaysia membuat perancangan rapi sebagai persiapan menghadapi kemungkinan sama berikutan peralihan musim Monsun Timur Laut.

Justeru, pelbagai persiapan dilakukan pihak kerajaan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ini diakui Setiausaha Majlis Kesel-

matan Negara (MKN), Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab yang berkata, kerajaan sentiasa memantau perubahan cuaca global terutama membabitkan rantau Asia Pasifik kerana ia akan memberi tempas kepada negara kita.

Katanya, perkembangan banjir yang berlaku di negara jiran akibat perubahan cuaca menjadi pengajaran kepada MKN dan pelbagai agensi berkaitan bagaimana untuk mengurus bencana luar biasa jika ia berlaku di negara ini.

Ia membabitkan persiapan dan persediaan tenaga sukarela, koordinasi antara agensi utama dalam pengurusan banjir serta kemampuan logistik.

Namun katanya, persiapan dan perancangan dilakukan ketika ini bukan bermakna kerajaan tidak membuat sebarang persiapan awal atau hanya menunggu bencana seperti banjir berlaku baru hendak menyelaras segala bentuk persiapan diatur.

Sebaliknya, kerajaan sudah membuat persediaan lebih awal daripada itu dan bukan berdasarkan kepada situasi yang berlaku di negara jiran seperti Filipina, Vietnam dan Thailand.

"Persediaan diperkemas berpandukan kepada pengalaman kita menghadapi banjir buruk yang pernah terjadi di utara khususnya di Kedah dan Johor di Selatan Semenanjung beberapa tahun lalu.

"Berdasarkan kepada pengalaman lalu, MKN dan agensi kerajaan berkaitan mendapati banjir yang berlaku sejak kebelakangan ini menunjukkan trend yang agak luar biasa.

"Kita kata luar biasa kerana arusnya lebih deras, paras kenaikan banjir juga pantas. Jika sebelum ini banjir paras lutut mengambil masa setengah hari



Kita kata luar biasa kerana arusnya lebih deras, paras kenaikan banjir juga pantas. Jika sebelum ini banjir paras lutut mengambil masa setengah hari untuk mencapai paras dada, tetapi kini, dua jam saja air naik boleh setinggi paras dada

Mohamed Thajudeen
Abdul Wahab

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN)

untuk mencapai paras dada, tetapi kini, dua jam saja air naik boleh setinggi paras dada.

"Justeru, ia memerlukan kita bertindak pantas untuk menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir. Oleh itu, kita juga memerlukan kelengkapan logistik yang mampu melaksanakan misi seperti itu," katanya.

Mohamed Thajudeen, berkata ketika ini pihaknya memiliki 30 unit trak Tatra, iaitu kenderaan dianggap paling cepak dan bertenaga untuk digunakan bagi meredah banjir walaupun mencecah paras dua meter.

Malah trak ini mampu mengangkut bot penyelamat seperti yang digunakan pihak bomba atau Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) selain boleh digunakan untuk menempatkan mangsa banjir yang terperangkap di kawasan banjir untuk dibawa ke pusat pemindahan.


MKN katanya, menempatkan trak ini mengikut zon iaitu utara, tengah, selatan dan timur kerana lazimnya bencana banjir di negara berlaku secara berasingan, sekali gus membolehkan pihaknya memaksimumkan penggunaan trak berkenaan mengikut tahap banjir di sesuatu kawasan, daerah atau negeri.

Mohamed Thajudeen turut berkata, setakat ini, MKN mempunyai dua pelan tindakan bagi menangani banjir selepas mengadakan perbincangan dengan agensi berkaitan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), JPAM, RELA, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Katanya, persiapan itu membabitkan penggunaan kelengkapan logistik milik agensi kerajaan terbabit menghadapi



KILANG SONY di Taman Perindustrian Bangkadi wilayah Pathum Thani ditenggelami banjir.



KAPAL terbang tersadai dalam banjir di Lapangan Terbang Don Mueang, Bangkok.

banjir seperti bot penyelamat, trak, kenderaan pacuan empat roda, helikopter milik Jabatan Bomba dan Penyelamat, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan ATM.

Beliau menegaskan, hanya apabila kerajaan tidak mampu untuk menghadapi banjir yang ekstrem, luar biasa atau berlaku di seluruh negara secara serentak, barulah bantuan pihak swasta ditagih bagi membantu menyediakan logistik tambahan khususnya trak dan lori.

“Seperti biasa, dalam sesuatu keadaan bencana, kerajaan akan menggunakan dulu aset yang dimiliki, tetapi jika terdesak, barulah kita meminta bantuan swasta,” katanya.

Mohamed Thajudeen turut menjelaskan MKN sudah menyelaras tugas dengan agensi berkaitan mengikut tatacara MKN 20 dalam menghadapi banjir seperti ATM, JKM, PDRM, JPAM dan RELA dan ia adalah satu proses berterusan.

“Tatacara MKN 20 ini menetapkan, jika berlaku bencana di sesuatu tempat atau daerah, komander operasi penyelamat akan diketuai Ketua Polis Daerah (OCPD), manakala timbalannya adalah Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah.

“MKN bertindak sebagai penyelaras dan agensi lain khususnya JKM akan mewujudkan pusat pemindahan atau penempatan sementara bagi menguruskan mangsa bencana dan juga soal makan minum mangsa,” katanya.

Justeru, rakyat katanya tidak perlu gusar dengan kemampuan kerajaan menangani isu bencana seperti banjir kerana ia sudah diselaras mengikut tatacara ditetapkan bagi mengelak per-

tindihan tugas dan kuasa antara agensi terbabit.

Katanya, persiapan dan persediaan ini akan dibentangkan kepada Timbalan Perdana Menteri di Parlimen pada 15 November ini.

Sementara itu, mengulas mengenai tahap infrastruktur yang dibina kerajaan bagi mencegah banjir ketika ini, Mohamed Thajudeen berkata, rakyat sebenarnya boleh bergantung harap kepada infrastruktur berkenaan seperti Terowong SMART dan projek pengairan serta tebatan banjir lain.

Katanya, semua projek menangani banjir dibina kerajaan mengikut fasa tertentu seperti terkandung dalam setiap Rancangan Malaysia.

“Sebenarnya kita memiliki banyak pelan mencegah banjir walaupun kos membina agak tinggi. Apa yang kerajaan buat ialah dibahagi mengikut fasa tertentu, tetapi ia satu projek yang berterusan.

“Banyak laporan mengenai kaedah mengurangkan bencana banjir yang dibentang di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sering menjadikan Terowong SMART sebagai rujukan.

“Mereka kagum dengan dwi fungsinya iaitu menjadi laluan alternatif untuk kenderaan keluar masuk ibu negara yang bertujuan mengurangkan kesesakan dan kedua, menjadi terowong bagi menguruskan banjir,” katanya.

Mengulas keadaan banjir di Bangkok yang dilihat masih belum menunjukkan tanda semakin reda, Mohamed Thajudeen berkata, ia disebabkan kesan tiga taufan besar melanda barat daya lautan Asia Pasifik iaitu taufan Nesat, ribut tropika Haitang dan taufan Nalgae.